

# Rombakan Exco Wanita tidak jejas perpaduan ahli

BH 20 MAY 2000

KOTA BHARU, Jumaat — Rombakan barisan Pergerakan Wanita Umno termasuk pengguguran Exco tertentu, tidak akan menjejaskan perpaduan wanita Umno.

Exco Pergerakan Wanita Umno, Ilani Datuk Isahak, berkata inikarana rombakan kepemimpinan pergerakan itu adalah proses biasa setiap kali peralihan pucuk pimpinan terutama bagi memantapkan jentera wanita.

Katanya, rombakan itu yang diumumkan oleh Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz. Ahad lalu, tidak bermakna wujudnya masalah perpecahan wanita Umno.

“Apa yang penting sekarang, setiap wanita Umno menguatkan semangat bekerja tanpa mengira kedudukan dalam parti kerana tugas utama kita ialah menggerakkan jentera wanita supaya lebih mantap,” katanya.

Ini kerana, katanya, tugas Pergerakan Wanita bergerak acirangan pada semua peringkat dalam usaha menarik keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap Umno dan Barisan Nasional (BN).

“Kita kena bersatu teguh dan be-

kerja keras untuk meletakkan kepercayaan rakyat kepada Umno dan BN.

“Malah, setiap Exco wanita yang dilantik diarah bekerja keras untuk memantapkan jentera termasuk perpaduan ahli pada semua peringkat selepas selesai Perhimpunan Agung Umno, baru-baru ini,” katanya di sini, hari ini.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pemimpin dan ahli Pergerakan Wanita Umno tidak mempertikai rombakan barisan kepemimpinan pergerakan itu.

Presiden Umno itu berkata, ahli Wanita Umno perlu menerima barisan Exco serta Ketua Wanita Umno negeri dan naibnya sebagai satu pembaharuan yang ingin dilaksanakan pucuk pimpinan pergerakan itu.

Ilani yang juga Pengerusi Biro Perhubungan Antarabangsa pergerakan itu berkata, semua pihak dalam Wanita Umno dapat bekerjasama demi keutuhan parti kerana perjuangan menegakkan bangsa, agama dan negara belum selesai.

Mengenai kemenangannya dalam perebutan jawatan Exco Pergerak-

an Wanita Umno pada Perhimpunan Agung parti itu, beliau berkata, ia kepercayaan perwakilan kepadanya dan berjanji bekerja keras menjalankan tugasnya.

Bagaimanapun, beliau berharap ahli Wanita Umno mcmhcri sokongan kepadanya serta rakan yang dilantik sebagai Exco Wanita bagi menjalankan tanggungjawab seperti yang diamanahkan itu.

“Begitu juga dengan pelantikan saya sebagai Pengerusi Biro Perhubungan Antarabangsa yang saya fikir banyak memberi peluang untuk berkhidmat dalam konteks antarabangsa, khususnya isu wanita,” katanya.